
CATATAN DIALOG DIANTARA MIT/MIA/MACPA/MAICSA

DENGAN

BAHAGIAN TEKNIKAL

Tarikh : 25 Ogos 2000

Masa : 3.00 petang - 5.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
Tingkat 16, Blok 11,
Jalan Duta,
KUALA LUMPUR.

KEHADIRAN

WAKIL LHDN :

- | | | |
|-------------------------------------|---|---|
| 1. En Nujumudin bin Mydin | - | Timbalan Ketua Pengarah - (Pengerusi)
(Teknikal & Perundangan) |
| 2. En. Lim Heng How | - | Timbalan Ketua Pengarah
(Pematuhan & Pencegahan) |
| 3. Pn. Hasmah bt. Abdullah | - | Ketua Bahagian Teknikal |
| 4. En. Mohd.Saian b. Hj. Ridzuan | - | Ketua Bahagian Operasi |
| 5. Pn. Salmah bt. Kasim | - | Ketua Bahagian Undang-Undang |
| 6. Pn. Mazidah bt. Ismail | - | Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Pungutan |
| 7. Pn. Nik Esah bt. Nik Mahmood | - | Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Syarikat |
| 8. Pn. Ng Oi Leng | - | Penolong Ketua Pengarah
Unit Sistem Taksir Sendiri |
| 9. Pn. M. Silverranie | - | Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Teknikal |
| 9. Pn. Noraini bt.Jaafar | - | Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Teknikal |
| 10. Pn. Nik Melini bt. Nik Sulaiman | - | Setiausaha |

WAKIL PERSATUAN :

- | | | |
|-----------------------------|---|--------------------------|
| 1. En. Quah Poh Keat | - | MIT/MIA |
| 2. Dr. Veerinderjeet Singh | - | MIT/MIA |
| 3. En. Lee Lee Kim | - | MIT/MIA |
| 4. En. Harpal Singh Dhillon | - | MIT/MIA |
| 5. Pn. Phoon Sow Cheng | - | MIT/MIA |
| 6. En. Ong Lay Seong | - | MIT/MIA |
| 7. En. Robin Noronha | - | MIT/MIA (Setiausaha MIA) |
| 8. Cik Jenny Lim Sok Jiu | - | MIT/MIA (Setiausaha MIT) |
| 9. En. Beh Tok Kuay | - | MACPA |
| 10. En. Sam Soh Siong Hoon | - | MACPA |
| 11. En. Tong Seuk Ying | - | MACPA |
| 12. Pn. Patricia Kan | - | MAICSA |
| 13. Pn. Norhaiza bt. Jemon | - | MAICSA |

1. PENDAHULUAN

Tuan Pengerusi mengucapkan selamat petang dan mengalu-alukan kedatangan wakil MIT, MIA, MACPA dan MAICSA ke majlis dialog ini. Tuan Pengerusi seterusnya menjemput wakil persatuan akauntan bertaualiah untuk mengemukakan isu-isu teknikal yang ingin dibincangkan.

2. Perkara-Perkara Yang Telah Dibangkitkan

2.1 Kajian Semula Ke Atas Anggaran Cukai Di Bawah Seksyen 107C, Akta Cukai Pendapatan 1967

Wakil Persatuan mencadangkan agar konsesi yang diberikan kepada sesuatu syarikat untuk mengemukakan pindaan ke atas anggaran cukai sehingga tiga kali setahun ditambahkan secara bersekadar dengan tempoh asas kepada syarikat yang mempunyai tempoh asas melebihi dua belas bulan disebabkan pertukaran tempoh perakaunan.

Tuan Pengerusi menegaskan bahawa konsesi tersebut diberikan oleh Kementerian Kewangan dan bukan LHDN. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat berkenaan bolehlah memohon kepada Cawangan Pungutan untuk mendapat lanjutan ke atas skim bayaran yang akan diberi pertimbangan berdasarkan merit bagi setiap kes.

2.2 **Penyimpanan Dokumen**

Wakil Persatuan ingin mendapat pengesahan sama ada dokumen yang disimpan dalam bentuk media elektronik diterima untuk tujuan rujukan LHDN.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa berdasarkan Ketetapan yang telah dikeluarkan, penyimpanan rekod primari hendaklah dibuat sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun. Tuan Pengerusi seterusnya memutuskan bagi syarikat yang pada asalnya telah menyimpan rekod dalam bentuk elektronik, tiada keperluan bagi mereka untuk menyimpan rekod dalam bentuk manual. Walau bagaimanapun, syarikat perlu memastikan bahawa rekod secara cetakan sedia diperolehi sekiranya akaun syarikat perlu diaudit oleh LHDN. Bagi syarikat yang ingin menukar bentuk penyimpanan rekodnya ke bentuk elektronik, syarikat itu masih dikehendaki menyimpan sesalinan rekod dalam bentuk manual sekurang-kurangnya bagi tempoh tujuh tahun.

2.3 **Notis Taksiran Yang Disifatkan (Deemed Notice of Assessment)**

Wakil Persatuan mencadangkan agar diwujudkan peruntukan baru bagi rayuan di bawah sistem taksir sendiri memandangkan Seksyen 131, Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak merangkumi keseluruhan aspek rayuan. Begitu juga dengan peruntukan untuk membenarkan pengemukaan penyata pindaan secara sukarela bagi kes taksiran tambahan perlu diwujudkan dan penalti tidak harus dikenakan jika kes tidak melibatkan penipuan atau pengelakan cukai.

Tuan Pengerusi menyatakan bahawa kes yang telah dianggap sah dan muktamad tidak akan dibuka semula. Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan bahawa perkara tersebut akan dikaji.

2.4 **Penyata Cukai Keuntungan Harta Tanah**

Wakil Persatuan mencadangkan supaya penyimpanan dokumen berkaitan pemerolehan aset bagi tujuan pemakaian Seksyen 13(1), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dihadkan kepada tujuh tahun bersesuaian dengan Seksyen 167(2), Akta Syarikat 1965. Susulan dengan itu, penentuan harga pemerolehan aset bagi maksud CKHT adalah seperti kos dalam akaun beraudit syarikat.

Tuan Pengerusi menjelaskan bahawa LHDN akan mengalami kesukaran untuk mengesahkan tuntutan perbelanjaan yang dilakukan ke atas harta tanah berkenaan. Walau bagaimanapun berhubung isu had masa 7 tahun bagi tujuan pengiraan CKHT, LHDN mencadangkan agar Persatuan membuat cadangan kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan. LHDN bersedia memberi sokongan kepada cadangan tersebut tetapi buat masa ini, peruntukan sedia ada terpakai.

2.5 **Harga Pelupusan/Pemerolehan Harta Tanah**

2.5.1 Mengenai cadangan Persatuan supaya CKHT dikenakan berdasarkan harga pelupusan dalam perjanjian jual beli bagi transaksi selengan, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa LHDN biasanya menerima pakai penilaian yang diberikan kecuali jika terdapat keraguan samada transaksi adalah secara selengan. Dalam keadaan demikian, maka LHDN akan mengguna pakai penilaian kerajaan.

2.5.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa bagi transaksi bukan selengan, LHDN akan mengguna pakai penilaian kerajaan. Walau bagaimanapun, LHDN akan mempertimbangkan permohonan penangguhan cukai berdasarkan keadaan kes masing-masing.

Penangguhan cukai dibenarkan ke atas baki perbezaan antara 'middle sum' dan penilaian Kerajaan dan bukan atas amaun keseluruhan perbezaan antara harga pelupusan dan penilaian Kerajaan.

2.5.3 Susulan dengan perkara di perenggan 2.5.2 di atas, isu yang dibangkitkan oleh persatuan berkenaan kes yang dipertikaikan dan rayuan telah dikemukakan ke Pesuruhjaya Khas atau Mahkamah tidak timbul.

2.6 **Pemindahan Kredit CKHT Ke Akaun Cukai Pendapatan**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa permasalahan untuk memindahkan kredit CKHT ke akaun cukai pendapatan akan dapat diatasi apabila sistem rangkaian pembayaran berpusat yang merangkumi akaun CKHT dilaksanakan. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah sementara terlaksananya sistem ini, LHDN akan mempertimbangkan permohonan untuk menunda bayaran cukai pendapatan tertakluk kepada syarat bahawa terdapat kredit yang jelas dalam akaun berkenaan dan tiada permohonan pembayaran balik dibuat.

2.7 **Lanjutan Masa Untuk Memfailkan Borang Nyata CKHT**

Wakil persatuan membangkitkan isu berkenaan ketidak seragaman layanan LHDN terhadap kes kontrak bersyarat dari segi pengemukakan Borang Nyata CKHT. Untuk mengatasi masalah tersebut, wakil persatuan mencadangkan supaya bagi kes kontrak bersyarat, tempoh masa dua minggu daripada tarikh mendapat kelulusan kesemua pihak berwajib diberikan kepada pembayar cukai bagi maksud penyerahan Borang Nyata CKHT. Walau bagaimanapun, pembayar cukai perlu membuat permohonan untuk mendapat lanjutan masa untuk mengemukakan borang nyata CKHT bagi kes kontrak bersyarat ini.

Tuan Pengerusi juga bersetuju untuk memasukkan syarat bahawa pembayar cukai adalah dipertanggungjawabkan untuk memfailkan

Borang Nyata CKHT dalam tempoh dua minggu daripada tarikh mendapat kelulusan kesemua pihak berwajib dalam surat kelulusan lanjutan masa kes kontrak bersyarat. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan Borang Nyata CKHT dalam tempoh masa yang telah dibenarkan itu akan mengakibatkan penalti dikenakan. Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa lanjutan masa tersebut akan hanya dipertimbangkan berdasarkan keadaan kes masing-masing.

**2.8 Tempoh Asas Syarikat Pemegang Pelaburan
(Seksyen 60F) Dan Syarikat 'Close-end Fund'(Seksyen 60H)**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pekeliling Operasi telah diedarkan berkenaan tarikh pengembalian Borang Nyata sehingga 31 Mei 2001 untuk syarikat pemegang pelaburan. Persatuan juga telah diminta supaya menunggu perkembangan selanjutnya berkenaan isu tersebut serta memberi maklum balas kepada LHDN sekiranya timbul masalah berkaitan Pekeliling yang dinyatakan.

2.9 Syarikat Dalam Proses Pembubaran

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa bagi syarikat yang dalam proses pembubaran di mana akaun beraudit syarikat tidak perlu disediakan, Borang Nyata boleh dikemukakan berdasarkan Borang 75, iaitu penyata penerimaan dan pembayaran oleh likuidator dalam proses pengkulungan yang dikeluarkan secara dwi-tahunan.

**3.0 Cadangan Pindaan Kepada Perenggan 13(2)(b),
Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967**

Wakil Persatuan telah mencadangkan supaya perkataan 'that' dalam Perenggan 13(2)(b), Jadual 2, ACP 1967 dipinda kepada '*the immediately preceding*', berikutan masalah pematuhan syarat yang dihadapi oleh Institusi Khairat dan Badan Amanah susulan kepada pindaan Seksyen 21, ACP 1967.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perkara tersebut telah diambil maklum.

3.1 **Dialog Tetap**

Mesyuarat telah memutuskan bahawa sesi dialog antara Persatuan Akauntan Bertauliah dengan LHDN akan diadakan secara tetap iaitu pada bulan April dan sejurus selepas Belanjawan. Sesi dialog selainnya akan hanya diadakan jika keperluan timbul.

3.2 **Ketetapan Bil. 7/2000**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Ketetapan Bil. 7/2000 telah dikeluarkan.

3.3 **Deraf Garis Panduan/Ketetapan Dan Borang**

Tuan Pengerusi memberi persetujuan kepada cadangan agar wakil persatuan terlibat sama dalam penyediaan garis panduan, ketetapan dan borang yang akan dikeluarkan oleh LHDN. Berkenaan isu Ketetapan Pendahuluan (*advance rulings*), Tuan Pengerusi menegaskan bahawa adalah menjadi polisi LHDN untuk tidak mengeluarkannya buat masa ini.

3.4 **Bantahan Terhadap Ketetapan**

Mengenai isu-isu bantahan terhadap ketetapan yang dibangkitkan oleh Persatuan, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa LHDN sedang merangka deraf Ketetapan prosidur untuk rayuan yang akan dikeluarkan kepada Badan-badan profesional untuk ulasan. Tuan Pengerusi juga menyatakan bahawa ketetapan-ketetapan dikeluarkan sebagai panduan kepada pembayar cukai dan isu-isu mengenainya tidak sepatutnya berbangkit memandangkan LHDN telah bersetuju untuk memberi pertimbangan kepada penangguhan cukai.

3.5 **Penangguhan Cukai**

Mengenai permintaan wakil persatuan supaya kes-kes rayuan yang dalam pertimbangan pihak Mahkamah dibenarkan penangguhan cukai, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa LHDN akan membenarkan penangguhan cukai berdasarkan merit setiap kes.

3.6 **Syarikat Pemegang Pelaburan**

Wakil persatuan ingin tahu kedudukan berkenaan syarikat pemegang pelaburan yang mempunyai punca pendapatan pelbagai, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa LHDN akan mengkaji dan mungkin mengeluarkan garis panduan atau ketetapan berhubung syarikat pemegang pelaburan. Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa LHDN akan memformalkan beberapa Pekeliling edaran dalaman berhubung perkara tersebut.

3.7 **Seksyen 114(1A)**

Mengenai skop dan pemakaian Seksyen 114(1A), Tuan Pengerusi meminta maklum balas terhadap draf Ketetapan Bil. 8/2000 yang telah diedarkan kepada Badan-badan profesional.

3.8 **Yuran Ejen Cukai**

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa konsesi ke atas tuntutan yuran ejen cukai masih terpakai tetapi menegaskan bahawa ianya terhad kepada yuran failing dan pengiraan cukai sahaja.

3.9 **Ketidakseragaman Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Seksyen 44(6) Dengan Perenggan 13, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967**

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa isu ketidakseragaman syarat-syarat kelulusan tersebut telah diambil maklum oleh LHDN dan kajian akan dilakukan ke atas keseluruhan seksyen ini serta garis panduan-garis panduan yang berkenaan dengannya.

4. **Hal-Hal Lain**

4.1 **Kadar Elaun Modal Yang Baru**

Wakil persatuan mencadangkan supaya kadar baru elaun modal diperuntukkan hanya untuk aset baru atau tambahan aset sementara aset lama menggunakan kadar lama sehingga selesai pemberian elaun modal. Mesyuarat dimaklumkan bahawa deraf garis panduan sedang dirangka berkenaan perkara ini. Sebagai alternatif, LHDN mencadangkan supaya pembayar cukai diberi pilihan sama ada untuk mengguna pakai kadar baru atau kadar lama.

4.2 **Tarikh Bayaran Bagi Kes Yang Tiada Notis Bayaran Ansuran**

Wakil persatuan ingin penjelasan berkenaan tarikh membuat bayaran bagi kes pembayar cukai yang tidak menerima notis bayaran ansuran disebabkan amaun cukai adalah kurang daripada amaun minima yang diperuntukkan untuk menjana notis tersebut. Tuan Pengerusi menyatakan bahawa LHDN ambil maklum perkara tersebut sebagai isu pentadbiran dan akan mengeluarkan Pekeliling berkenaan perkara tersebut.

4.3 **Penyimpanan Rekod**

Ahli Badan profesional telah dinasihatkan supaya mengingatkan pelanggan mereka bahawa di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), mereka dipertanggungjawabkan untuk menyimpan rekod dengan teratur dan lengkap. Ketetapan berkenaan penyimpanan rekod telah dikeluarkan dan mesyuarat mengambil maklum berkenaan peranan semua pihak untuk mendidik pembayar cukai.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa beberapa kelonggaran akan diberi bergantung kepada faktor, tetapi ini hanya pada peringkat awal pelaksanaan STS iaitu bagi tempoh satu atau dua tahun.

4.4 **Permohonan Lanjutan Masa Tambahan**

Wakil persatuan telah diberi peringatan supaya mematuhi syarat bagi mengemukakan permohonan lanjutan masa tambahan iaitu dua minggu sebelum tarikh lanjutan masa pertama yang telah dibenarkan tamat. Peringatan diberikan memandangkan terdapat kes-kes di mana kelewatan menerima permohonan timbul dan perkara ini telah memberi masalah kepada LHDN.

4.5 **Borang R - Penyata Dividen**

Memandangkan STS bagi kes syarikat akan dilaksanakan tidak lama lagi, mesyuarat dimaklumkan bahawa LHDN sedang mengemaskinikan pengiraan baki akaun seksyen 108 dan akaun Pengecualian Cukai untuk dikeluarkan kepada pembayar cukai. Sehubungan dengan itu, ejen cukai diminta supaya mengisi Borang R dengan lengkap serta mengemukakan pengiraan semula kepada LHDN sekiranya terdapat diskrepansi pada pengiraan tersebut.

4.6 **Pengiraan Sekatan Faedah Di Bawah Seksyen 33(2), Akta Cukai Pendapatan 1967**

Mesyuarat telah mengambil maklum berkenaan permintaan LHDN supaya pengiraan sekatan faedah di bawah Seksyen 33(2), Akta Cukai Pendapatan 1967 dikemukakan bersama pengiraan cukai. Sekiranya sekatan faedah tersebut tidak terpakai, alasan-alasan yang menyokongnya perlu dinyatakan.

4.7 **Tuntutan Perbelanjaan Dua Kali**

Mesyuarat telah mengambil maklum berkenaan permintaan LHDN supaya tuntutan perbelanjaan dua kali diselaraskan dengan Borang Pengesahan yang dikemukakan untuk mengelakkan kesulitan yang timbul akibat tiada pelarasan tersebut.

4. **Penutup**

Tuan Pengerusi mengakhiri dialog dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Pihak Persatuan juga merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian Lembaga mengadakan majlis dialog ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Bahagian Teknikal,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tarikh: 29 September 2000.